



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "RAJA ADIL – NEGARA STABIL"

1 November 2024 / 29 Rabiulakhir 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِلِ

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا

يُعْظُمُ بِهِ<sup>2</sup> إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ<sup>3</sup> وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, serta mengikhhlaskan setiap amal. Semoga kita mendapat taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Maha Esa. Bersempena sambutan rasmi ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah kali ke-68, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## "RAJA ADIL – NEGARA STABIL"

### Muslimin yang dirahmati Illahi,

Firman Allah SWT, ayat 58 surah An-Nisa' yang khatib bacakan pada mukadimah khutbah bermaksud: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menetapkan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan Nya itu) memberikan sebaik-baik pengajaran kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Ayat ini menggariskan dua perkara utama:

**Pertama;** kewajipan menyerahkan amanah kepada yang berhak.

**Kedua;** pentingnya melaksanakan hukum secara adil.

Selaras dengan perintah Allah SWT, pemerintah telah diserahkan amanah, bertanggungjawab menjaga kepentingan rakyat; dan hendaklah dipastikan setiap tindakan pemerintah mencerminkan keadilan, tidak mengandungi unsur-unsur kezaliman begitu juga bebas daripada unsur-unsur penganiayaan.

Keadilan dalam Islam bermaksud meletakkan sesuatu pada tempat yang betul dan memberikan hak kepada yang benar-benar berhak menerimanya. Lawan kepada adil adalah zalim, iaitu meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya, dan menafikan hak orang yang benar-benar berhak ke atas sesuatu. Seorang raja pemerintah yang adil akan memastikan bahawa setiap rakyat baginda mendapat hak, perlindungan dan pembelaan yang saksama, tanpa pilih kasih, penindasan, diskriminasi atau layanan berbeza kerana dipengaruhi latar belakang keturunan, kedudukan sosial atau taraf kekayaan.

**Muslimin Rahimakumullah,**

Kesultanan Melayu Perak merupakan kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka yang tercatat dalam sejarah berpengaruh penting meletakkan Islam dalam sistem pemerintahan dan membina tamadun bangsa. Pada tahun 1414, Parameswara yang memerintah Melaka telah memeluk Islam dan mengambil gelaran Sultan Megat Iskandar Shah, memulakan jalur keturunan Kesultanan Melayu Islam, yang bukan sahaja membantu penyebaran syiar Islam di bumi ini malah memperkukuhkan kedudukan Raja Melayu. Berpandukan ajaran Islam, raja melaksanakan pemerintahan berasaskan undang-undang yang berlandaskan undang-undang syarak; bermula dengan "Hukum Kanun Melaka" di Melaka, disambut dengan "Undang-undang 99 Perak" di Perak; yang memancarkan roh dan semangat Islam dalam pemerintahan. Undang-undang Tubuh Kerajaan Perak juga menegaskan tonggak pemerintahan beraja adalah berlandaskan hukum syarak serta prinsip keadilan dan syura.



Selepas kewafatan Nabi SAW, mewujudkan sistem pemerintahan bagi menjaga kesucian agama dan menguruskan hal ehwal negara merupakan suatu tuntutan syarak demi memastikan negara berada dalam suasana yang stabil dan aman serta rakyat hidup dalam suasana selamat lagi sejahtera. Apabila negara mencapai kemerdekaan, negara telah memilih sistem berkerajaan yang berlandaskan doktrin raja berperlembagaan – demokrasi berparlimen. Kedaulatan Raja-raja Melayu dikekalkan dalam olahan acuan baharu. Raja memiliki kuasa pemerintahan berlandaskan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara dan Undang-undang Tubuh Negeri, disamping turut memiliki kuasa budi bicara.

Sebagai Raja Pemerintah, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak mempunyai kedudukan paling utama dalam negeri Perak. Peranan baginda amat penting sebagai pelindung yang mendaulatkan agama Islam dan menjadi payung negeri. Peranan tersebut jika disempurnakan secara bijaksana, adil dan saksama, akan melahirkan kestabilan dalam negeri seperti yang dapat rakyat nikmati pada hari ini. Natijahnya, rakyat dapat hidup harmoni, ekonomi dapat dimajukan, bumi dapat dimakmurkan dan negeri dalam keadaan stabil.

Untuk memastikan pemerintahan yang adil dapat disempurnakan, mimbar memperingatkan bahawa amatlah penting bagi raja pemerintah memiliki barisan ulama dan umara yang arif lagi bijaksana, berkeupayaan mempersembahkan sebaik nasihat - seikhlas pandangan, membantu agar raja pemerintah dalam memperkenankan sesuatu perkara, atau menitahkan sesuatu perintah, akan berpandukan fakta dan bukti, yang telah disemak dan dihalusi kesahihan dan kebenarannya, demi menjamin keadilan tidak tercicir dan kezaliman dapat dihindari.

Amatlah penting para pemerintah mengambil iktibar dan menjadikan pengajaran akan punca kejatuhan takhta dan kerajaan pada masa lampau, kerana raja telah disalah nasihat oleh para wazir, menteri, pembesar dan pegawai yang memiliki kepentingan diri, berniat buruk, lalu mengambil kesempatan, menyalahgunakan hubungan dan pengaruh dengan takhta, mengakibatkan tergelincirnya keadilan, takhta terkorban dan negara musnah.



## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Mimbar merumuskan beberapa kesimpulan:

**Pertama:** Kedaulatan yang mutlak hanya milik Allah SWT; raja pemerintah ialah pemegang amanah untuk memimpin ummah, dan amanah tersebut perlu disempurnakan dengan bijaksana lagi berhemah, adil lagi saksama, agar diterima sebagai amal jariah yang memenuhi tuntutan Ilahi, yang dilimpahi ganjaran dunia – ganjaran akhirat.

**Kedua:** Demi memastikan kestabilan negeri dan kerukunan masyarakat, rakyat wajib menumpahkan taat setia kepada raja pemerintah yang adil, iaitu *ululamri* (iaitu orang yang berkuasa), selagi mana perintah dan arahan yang dilakukan tidak bercanggah dengan syariat.

**Ketiga:** Institusi beraja perlu dipertahankan kerana berperanan sebagai payung negeri – payung negara, menjunjung amanah Ilahi untuk menyempurnakan peranan dan tanggungjawab yang tersurat dan tersirat dalam Perlembagaan Negara dan Undang-undang Tubuh negeri, sebagai tonggak kestabilan, sumber keadilan, teras perpaduan, dan payung penyatuan; lantas membantu meningkatkan keyakinan rakyat kepada sistem berkerajaan dan bernegara berteraskan doktrin raja berperlembagaan - demokrasi berparlimen.

**Keempat:** Raja pemerintah bukan institusi yang kaku sekadar bahan hiasan untuk melakukan tugas-tugas keraian semata-mata; di sebaliknya raja pemerintah sebagai ketua utama negeri mempunyai tugas dan tanggungjawab duniawi terhadap rakyat dan negeri; di samping tanggungjawab terhadap Ilahi yang akan dinilai pada hari kebangkitan di Mahkamah Rabbuljalil.

**Kelima:** Dipastikan raja pemerintah dibantu dalam urusan pemerintahan oleh barisan ulama dan umara yang memiliki iman yang teguh dan pendirian yang kukuh, berani berkata benar – tegas menegakkan keadilan, dengan hati yang ikhlas menyembahkan sebaik nasihat berlandaskan fakta dan kebenaran; dan tidak sama sekali menyalahgunakan hubungan dan kepercayaan takhta untuk kepentingan peribadi.

Khatib menyembah ucapan "Dirgahayu Tuanku" kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dengan iringan doa semoga negeri Perak Darul Ridzuan di bawah naungan pemerintahan Tuanku dilimpahi keamanan, keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesawat Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!** kurniakan taufik, hidayah serta kekuatan ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, agar dapat melaksanakan pemerintahan dalam sebuah negeri yang aman lagi sentosa, serta rakyatnya hidup dalam suasana damai lagi harmoni. Kurniai baginda kebijaksanaan pemerintahan seperti yang pernah Engkau kurniakan kepada Nabi Yusuf AS, Nabi Daud AS dan Nabi Sulaiman AS. Kurniakan taufik dan hidayah Mu kepada Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan. **Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel. **Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah. **Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.